**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**
*MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA*
**Bahagian Kawalan Penyakit**
Aras 3, 4 dan 6, Blok E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8883 4527
Faks : 03-8888 6270
Laman Web : www.moh.gov.my

*Ruj. Tuan* :
*Ruj. Kami* : KKM. 100-2/2/3 JLD. 2 (75)
*Tarikh* : 30 MEI 2018

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Telah disemak dan disokong utk pertimbangan dan keputusan Datuk KPK
31/5/18

**Melalui :**

YBhg. Dato' Dr. Hj. Azman Bin Hj. Abu Bakar
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

DATO' DR. HJ. AZMAN BIN ABU BAKAR
TKPK (KA)

YBhg. Datuk,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 21/2018 (20 hingga 26 Mei 2018) untuk persetujuan YBhg. Datuk.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

b.p **(DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG)**
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

DR. NORHAYATI BT. RUSLI
(No. Pendaftaran Penuh MPM : 30041
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Survelan)
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

TERIMA 01 JUN 2018 Pejabat KPK

QUALITY SYSTEM
SIRIM
IQNet
CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT NO : AR 4607

**KENYATAAN AKHBAR**

**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

(Bagi Minggu 21/2018 dari 20 hingga 26 Mei 2018)

Kes Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-21 iaitu bermula dari 20 hingga 26 Mei 2018 menunjukkan tren peningkatan. Sejumlah 1548 kes Denggi telah dilaporkan pada minggu ke-21, peningkatan 258 kes (20%) berbanding minggu sebelumnya iaitu 1290 kes. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Denggi sehingga 26 Mei 2018 sebanyak 24,095 kes berbanding 39,272 kes bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 15,177 kes (38.6%). Terdapat peningkatan kes di dua belas (12) negeri kecuali negeri Sarawak, Sabah dan Melaka.

Terdapat satu (1) kes kematian Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-21, menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 43 kematian, berbanding 93 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu pengurangan sebanyak 50 kematian (53.8%).

Jumlah lokaliti wabak semasa meningkat sebanyak 87 lokaliti (23.5%), iaitu 458 lokaliti pada minggu ke-21 berbanding 371 lokaliti pada minggu sebelumnya. Manakala sebanyak 52 lokaliti hotspot melibatkan lima (5) buah negeri iaitu Selangor (44), WPKL-Putrajaya (5), Pulau pinang (1), Perak (1) dan Sabah (1) telah dilaporkan.

Tiada kes Chikungunya yang dilaporkan pada minggu ke-21. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 26 Mei 2018 kekal sebanyak 69 kes iaitu 29 kes di Daerah Pasir Puteh, 27 kes di Daerah Tumpat, 5 kes di Daerah Kota Bharu, 2 kes di Daerah Kuala Muda, manakala masing-masing satu (1) kes di daerah Sik, Meradong, Machang, Kangar, Sepang dan Penampang.

Bagi penyakit Zika, berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati 1221 sampel darah dan sembilan (9) sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Sempena menyambut hari raya, ramai warga kota dan penduduk di bandar yang akan pulang ke kampong. Oleh itu sebelum meninggalkan rumah, masyarakat setempat perlu memastikan kawasan persekitaran adalah bersih dan bebas dari tempat pembiakan nyamuk. Lakukan aktiviti-aktiviti seperti pemeriksaan dan pembersihan tempat pembiakan Aedes seperti tayar, bekas tong, plastik, tin atau kaca dan meletakkan bahan pembunuh jentik-jentik di dalam bekas tadahan air yang sukar dikosongkan. Tindakan segera daripada masyarakat amat diperlukan bagi memastikan kejadian penyakit dapat dikawal dan dicegah daripada terus berlaku. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**

**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
**/ Jun 2018**

Lampiran A

## KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 21/2018
## (20 hingga 26 Mei 2018)

| Bil. | Negeri | Bilangan Kes dan Kematian di laporkan | | | | Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 21/2018 | | Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 21/2017 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Minggu 21 (20 Mei – 26 Mei 2018) | | Minggu 20 (13 Mei – 19 Mei 2018) | | | | | |
| | | Kes | Mati | Kes | Mati | Kes | Mati | Kes | Mati |
| 1 | Perlis | 6 | 0 | 0 | 0 | 91 | 0 | 86 | 0 |
| 2 | Kedah | 81 | 0 | 55 | 0 | 659 | 2 | 670 | 3 |
| 3 | P. Pinang | 119 | 0 | 78 | 1 | 1576 | 2 | 965 | 5 |
| 4 | Perak | 67 | 1 | 43 | 0 | 1264 | 3 | 3461 | 7 |
| 5 | Selangor | 830 | 0 | 762 | 0 | 13371 | 11 | 20909 | 34 |
| 6 | WP KL & Putrajaya | 184 | 0 | 143 | 1 | 1868 | 3 | 3850 | 15 |
| 7 | N. Sembilan | 34 | 0 | 24 | 0 | 480 | 0 | 1863 | 8 |
| 8 | Melaka | 8 | 0 | 14 | 0 | 193 | 0 | 683 | 1 |
| 9 | Johor | 119 | 0 | 74 | 1 | 2175 | 6 | 2887 | 10 |
| 10 | Pahang | 16 | 0 | 15 | 0 | 350 | 2 | 857 | 2 |
| 11 | Terengganu | 4 | 0 | 3 | 0 | 72 | 0 | 143 | 0 |
| 12 | Kelantan | 22 | 0 | 10 | 0 | 350 | 1 | 1502 | 2 |
| 13 | Sarawak | 7 | 0 | 18 | 0 | 202 | 1 | 578 | 3 |
| 14 | Sabah | 46 | 0 | 49 | 0 | 1418 | 12 | 811 | 3 |
| 15 | WP Labuan | 5 | 0 | 2 | 0 | 26 | 0 | 7 | 0 |
| | **MALAYSIA** | **1548** | **1** | **1290** | **3** | **24095** | **43** | **39272** | **93** |

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

## LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 21/2018
## (20 hingga 26 Mei 2018)

| Bil | Negeri | Daerah/Zon/ PBT | Lokaliti | Jumlah Kes | Tempoh Wabak Berlaku (Hari) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 28 ( Flat E : Blok 47 - 54 ) | 42 | 114 |
| 2 | SELANGOR | Petaling | Seksyen U7 ( Tudm Subang A : Blok G1 - G8 ) | 45 | 110 |
| 3 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 7 (Pangsapuri Kristal) | 19 | 80 |
| 4 | SELANGOR | Petaling | Seksyen U5 ( Pangsapuri Mentari : Blok 1,2 & 3 ) | 39 | 79 |
| 5 | SABAH | Kunak | Kg Jaya Baru | 29 | 69 |
| 6 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43) | 33 | 67 |
| 7 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 15 ( Dataran Otomobil : Blok 1 - 18 ) | 32 | 64 |
| 8 | SELANGOR | Petaling | Seksyen U5 ( Pangsapuri Ruby : Blok E, F, G & H ) | 14 | 61 |
| 9 | WPKL | Cheras | Bayu Tasik Condo 1 | 16 | 60 |
| 10 | SELANGOR | Klang | B.B.K Appartment Palm Ville | 29 | 59 |
| 11 | SELANGOR | Klang | Telok Gadong (Jln Telok Gadong 1) | 17 | 59 |
| 12 | SELANGOR | Gombak | Appt Casmaria | 19 | 59 |
| 13 | SELANGOR | Petaling | Seksyen U5 ( Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8 ) | 13 | 57 |
| 14 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 7 (Teres E : Jln 7/29 - 7/35) | 37 | 55 |
| 15 | SELANGOR | Gombak | Appt Lily Rawang Perdana | 14 | 55 |
| 16 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 7 (Teres D : Jln 7/23 - 7/27) | 22 | 51 |
| 17 | SELANGOR | Hulu Langat | Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang | 8 | 51 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 18 | SELANGOR | Petaling | Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai) | 29 | 49 |
| 19 | SELANGOR | Gombak | Rawang Integrated Industrial Park | 23 | 48 |
| 20 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 24 ( Flat B : Blok 10 - 21 ) | 9 | 48 |
| 21 | SELANGOR | Petaling | Du Ss 2 ( Ken Damansara Kondo 2 ) | 15 | 48 |
| 22 | SELANGOR | Gombak | Appt Orkid Rawang Perdana | 15 | 46 |
| 23 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 2 ( Uitm : Kolej Meranti ) | 27 | 46 |
| 24 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 8 (Flat A : Blok 1 - 10) | 9 | 46 |
| 25 | SELANGOR | Hulu Langat | Pangsapuri Nuri Bandar Bukit Mahkota | 26 | 46 |
| 26 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 9 ( Kuarters Ipk Selangor&Kuarters Jkr ) | 10 | 45 |
| 27 | SELANGOR | Hulu Langat | Jalan Bm 5/1,5/3,5/5,5/7,5/9,5/11,5/13,5/15,5/16,5/17,5/18 & 5/19 Bandar Bukit M | 6 | 45 |
| 28 | WPKL | Cheras | Apartment Cemara | 14 | 44 |
| 29 | SELANGOR | Kuala Langat | Taman Jaya Utama Zon 2 | 7 | 44 |
| 30 | SELANGOR | Hulu Selangor | Apt Kenanga Tbr Bb | 22 | 44 |
| 31 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 13 ( Pangsapuri Brunsfield Riverview ) | 24 | 43 |
| 32 | SELANGOR | Petaling | Sri Ss 7 Kelana Puteri Kondo | 24 | 43 |
| 33 | WPKL | Cheras | Appt Sri Rakyat | 7 | 42 |
| 34 | SELANGOR | Klang | Off Jalan Meru Pelangi Court Apartment | 20 | 41 |
| 35 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37) | 22 | 41 |
| 36 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 19 (Teres D : Jln 19/16 - 19/23d) | 8 | 40 |
| 37 | SELANGOR | Hulu Langat | Blok N-X Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma | 16 | 40 |
| 38 | P PINANG | Timur Laut | Desa Bistari | 16 | 40 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 39 | SELANGOR | Klang | B.B.T Jalan Batu Nilam 15 | 14 | 39 |
| 40 | SELANGOR | Gombak | Kg Melayu Sri Kundang (C) | 9 | 38 |
| 41 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 24 ( Flat D : Blok 28 - 31 ) | 11 | 37 |
| 42 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 20 ( Kuarters Polis : Blok 5 - 12 ) | 16 | 36 |
| 43 | SELANGOR | Klang | T.S (Jln Dato Abdul Hamid 8-11) | 17 | 35 |
| 44 | SELANGOR | Klang | Taman Bayu Perdana (Appartment Prima Bayu) | 14 | 35 |
| 45 | PERAK | Kinta | Kg Merawan Indah | 13 | 35 |
| 46 | SELANGOR | Hulu Langat | Jalan Kempas & Meranti Kampung Melayu Ampang | 7 | 35 |
| 47 | WPKL | Lembah Pantai | Appt Kinrara Mas | 10 | 33 |
| 48 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 26 ( Kg Baru Hicom : Jln Bunga Tanjung ) | 12 | 33 |
| 49 | SELANGOR | Hulu Langat | Jalan Jenaris 2-5 Taman Sri Jenaris | 4 | 32 |
| 50 | SELANGOR | Petaling | Usj 21 (The Main Place Residences) | 14 | 32 |
| 51 | SELANGOR | Petaling | Seksyen U3 (Pangsapuri Daisy C : Blok 9 - 13 ) | 6 | 32 |
| 52 | WPKL | Kepong | Kolej Unikop (Asrama Lelaki)) | 7 | 31 |